



20 MAR, 2024

JKDM rampas rokok putih seludup RM7.92 juta

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

JKDM rampas rokok putih seludup RM7.92 juta

Butterworth: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang merampas sembilan juta batang rokok putih dianggarkan bernilai RM7.92 juta, termasuk cukai, yang dipercayai cuba diseludup masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Klang, Selangor, pada 7 Mac lalu.

Pengarahnya, Roselan Ramli, berkata rokok itu ditemukan hasil pemeriksaan ke atas sebuah kontena yang ditahan ketika berlabuh di pelabuhan berkenaan kira-kira jam 10.40 pagi.

“Hasil pemeriksaan ke atas kontena itu menemukan 900 kotak yang mengandungi sembilan juta batang rokok putih disyaki tidak berkastam yang dianggarkan bernilai RM1.8 juta dan cukai RM6.12 juta,” katanya pada sidang media di stor penguatkuasaan Bagan Jermal, di sini, semalam.

Roselan berkata, kontena terbabit disyaki berasal dari negara di Asia Tenggara dengan dikendalikan oleh syarikat perkapalan yang mempunyai cawangan di Pelabuhan Klang dan diimport sebuah syarikat berstatus sendirian berhad di Selangor.

Katanya, modus operandi digunakan adalah dengan mengikrar dagangan itu sebagai perabot bagi mengaburi pihak berkuasa.

“Rokok itu dipercayai untuk pasaran tempatan bagi kegunaan pekerja di ladang dan tapak pembinaan,” katanya. BERNAMA



20 MAR, 2024

JKDM rampas rokok putih seludup RM7.92 juta

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Butterworth: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pulau Pinang merampas sembilan juta batang rokok putih dianggarkan bernilai RM7.92 juta, termasuk cukai, yang dipercayai cuba diseludup masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Klang, Selangor, pada 7 Mac lalu. Pengarahnya, Roselan Ramli, berkata rokok itu ditemukan hasil pemeriksaan ke atas sebuah kontena yang ditahan ketika berlabuh di pelabuhan berkenaan kira-kira jam 10.40 pagi.